

Headline	Diskaun 10 peratus kekal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	12
ArticleSize	60 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,157		



## Diskaun 10 peratus kekal

**Diskaun** 10 peratus ke atas bil elektrik yang kini dinikmati sekolah kerajaan, institusi pengajian tinggi awam, tempat ibadat dan rumah kebajikan yang berdaftar dengan institusi kerajaan dan pelajaran sebahagiannya dibiayai oleh kerajaan, akan dikekalkan.

Tenaga Nasional Bhd, dalam kenyataan berkata, ia turut akan menawarkan kadar diskaun yang sama kepada hospital universiti di bawah Kementerian Pelajaran.

Katanya, antara hospital universiti yang bakal menikmati rebat 10 peratus itu ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM).

Syarikat utiliti itu juga berkata, walaupun kumpulan pengguna Tarif Perindustrian Khas (SIT) akan berdepan peningkatan kira-kira 19 peratus dalam tarif elektrik, mereka akan terus menikmati kadar tarif diskaun, berbanding dengan kadar bagi pengguna perindustrian biasa.